



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	20/2/2012

## Najib hanya sentuh soal sosioekonomi

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata, beliau sentiasa menjaga akidah dan peranannya sebagai pemimpin Islam ketika menghadiri majlis sambutan perayaan agama lain di Malaysia, termasuk ketika Thaipusam di Batu Caves, baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata, beliau langsung tidak terbabit dalam majlis keagamaan penganut Hindu, sebaliknya hanya berucap di pekarangan dewan mengenai perihal sosioekonomi kaum India.

Najib berkata, beliau sudah menerangkannya kepada Tan Sri Harussani Zakaria dan berasa lega Mufti Perak setuju ia tidak bertentangan dengan hukum syarak serta fatwa dikeluarkan Majlis Fatwa Kebangsaan.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada Mufti Perak atas penjelasan dibuat. Apa yang saya lakukan, saya menjaga akidah dan peranan saya sebagai pemimpin Muslim... Alhamdulillah.

"Kita mesti mengikut cara Rasulullah SAW menghormati agama lain tanpa menyalahi akidah. Jika sedemikian caranya, InsyaAllah umat dan agama Islam akan lebih dihormati serta kepemimpinan umat Islam akan membawa rahmat, bukan saja kepada umat Islam tetapi juga yang bukan Islam sebagai rakyat Malaysia keseluruhan," katanya menyampaikan ucap-tama pada majlis perasmian Himpunan Ulama, Cendekiawan Islam dan Penulis Maya Kebangsaan 2012 di sini, semalam.